

Maklumat Komoditi : Bunga Kantan

Penyediaan Tanah

Selalunya tanaman kantan diusahakan oleh petani secara kecil-kecilan disekeliling tempat kediaman. Walaupun begitu telah terdapat petani-petani yang mengusahakannya secara komersil di bawah dusun buah-buahan sebagai tanaman selingan.

Sesuai dengan kehidupan kantan yang berasal dari hutan, kawasan penanaman tidak perlu dibersihkan sepenuhnya. Bagi kawasan baru untuk penanaman kantan, lorong-lorong penanaman sahaja selalunya dibersihkan. Sekiranya kawasan penanaman terlalu semak, tebang tebas kali pertama dan diikuti dengan semburan racun rumpai yang sesuai untuk tujuan ini.

Lubang-lubang penanaman 20cm x 20cm x 20cm boleh digali. Jarak penanaman kantan secara amnya disyorkan 2m di antara barisan dan 1m di dalam barisan.